

PERSADA Peneraju Matlamat Utama Sekolah di Kota Belud

Oleh Norhamizah

Kota Kinabalu, 10 April - Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya melaksanakan Program Jelajah Ilmu Siri 2 dengan kerjasama Seranta FELDA negeri Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud.

“Kami melaksanakan program ini adalah untuk memastikan bahawa pelajar disekolah ini mampu memberi kejayaan kepada sekolah, keluarga dan yang paling penting untuk diri mereka sendiri,” kata pengerusi kelab PERSADA, Datu Rosman bin Datu Ahir Zaman, 21.

Menurut pengerusi PERSADA, motivasi diberikan bagi memberi semangat kepada pelajar-pelajar di lapan buah sekolah tersebut untuk meneruskan langkah mereka ke alam universiti.

Menurut urusetia program, Rohani Hadi, program ini dijalankan dengan

tujuan memberi perkongsian serta motivasi berkait dengan kehidupan sebagai mahasiswa kepada para pelajar sekolah menengah.

Program ini dijayakan dengan pengisian motivasi daripada fasilitator yang terdiri daripada 18 orang mahasiswa UMS.

Selain itu, program Jelajah Ilmu turut disertai oleh Ketua Serantau Sabah, Asmarah Rikun serta Kaunselor UMS, Adzmil Abidin yang menyampaikan motivasi kepada para pelajar sekolah.

Program yang disertai oleh pelajar SPM dan STPM daripada lapan buah sekolah di daerah Kota Belud telah dilaksanakan pada 8 dan 9 April.

Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah SMK Taun Gusi, SMK Tun Said, SMK Narinang, SMK Usukan, SMK Tambulion, SMK Pekan 1, SMK Pekan 2 dan SMK Arshad.



Mahasiswa PERSADA UMS bergambar dengan pelajar Tingkatan 5 di SMK Tun Said, Kota Belud.